

Headline	BHB yakin Bank Islam beri untung		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,849
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,548



BHB yakin Bank Islam beri untung

» *BIMB Holdings ambil kesempatan unjur positif kuasai seluruh pegangan syarikat*

Oleh Mohd Zaky Zainuddin

BIMB Holdings Bhd (BHB), yakin Bank Islam Malaysia Bhd mampu memberikan pulangan positif kepada kumpulan itu dan memegang sahamnya berikutan prospek pertumbuhannya yang mapan.

BHB pada satu mesyuarat agung luar biasa (EGM) semalam mendapat kelulusan daripada pemegang sahamnya untuk mengambil alih baki 49 peratus saham Bank Islam.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutifnya, Johan Abdullah, berkata BHB percaya bank Islam pertama di Malaysia itu memiliki keupayaan untuk meneruskan arah aliran pertumbuhan positifnya pada masa akan datang bersandarkan Pelan Hijrah Ke Arah Kecemerlangan Bank (Pelan H2E) yang sedang dilaksanakannya.

"Di bawah Pelan H2E itu, Bank Islam diunjurkan mencatat pertumbuhan deposit sebanyak 75

peratus, pulangan ke atas ekuiti sebanyak 18 peratus, pulangan ke atas aset (1.6 peratus), pertumbuhan keuntungan sebelum cukai (15 peratus) dan pertumbuhan aset (15 peratus).

"Bersandarkan kepada unjuran itu, BHB yakin kepada kemampuan Bank Islam dan atas sebab itu, kami mengambil keputusan untuk menguasai sepenuhnya pegangan dalam bank ini," katanya kepada media selepas EGM itu di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Seri Zukri Samat dan Pengarah Kewangan Korporat AmInvestment Bank, Anuar Omar.

BHB ketika ini menguasai 51 peratus pegangan dalam Bank Islam. Sebanyak 30.47 peratus lagi dipegang oleh Dubai Financial Group LLC (DFG) dan 18.53 peratus oleh Tabung Haji.

Johan berkata, bagi membiayai

pengambilalihan bagi pegangan dalam Bank Islam itu, BHB akan membuat terbitan hak 426.71 juta saham baru yang ditawarkan bersama 426.71 juta waran percuma pada harga indikatif RM3.80 sesaham yang mampu meraih RM1.62 bilion.

Terbit sukuk RM2.008 bilion

Syarikat itu juga katanya akan menerbitkan sukuk bernilai sehingga RM2.008 bilion.

Mengenai laporan sebelum ini bahawa BHB berminat untuk membeli ekuiti dalam Bank Muamalat Indonesia, Johan berkata, buat masa ini syarikat itu tidak menimbang untuk berbuat demikian dan menyifatkannya hanya spekulasi.

Beliau menegaskan, BHB bagaimanapun bersedia menimbang sebarang pengambilalihan jika ia mampu memberikan nilai kepada kumpulan.

"Sebarang pengambilalihan perlu dilaksanakan secara strategik bukan sekadar untuk meningkatkan bilangan syarikat atau pegangan. Ia perlulah memberi nilai kepada syarikat," katanya.

“Bersandarkan kepada unjuran itu, **BHB yakin kepada kemampuan Bank Islam** dan atas sebab itu, kami mengambil keputusan untuk menguasai sepenuhnya pegangan dalam bank ini”

Johan Abdullah,
Pengarah Urusan dan
Ketua Eksekutif BHB

Headline	BHB yakin Bank Islam beri untung		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,849
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,548

FAKTA NOMBOR

49
peratus

BHB ambil alih baki
saham Bank Islam



Johan (tengah) bersama Zukri (kiri) dan Anuar pada *sidang media selepas EGM* di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]